

B527:
MAHATHIR

1981

ALOR SETAR, 12 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGGATKAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO SUPAYA SENTIASA MENYEDARI TENTANG PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MERKA SEBAGAI PEMIMPIN LAPISAN KEDUA DALAM UMNO.

KEDUDUKAN MERKA ADALAH PENTING DALAM UMNO KERANA PERGERAKAN ITU BAKAL MEWARISI DAN MENERUSKAN PERJUANGAN YANG TELAH DIMULAKAN SEJAK 35 TAHUN LALU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KURSUS POLITIK PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR INGIN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MENJADI SATU BADAN YANG KUAT, KUKUH DAN MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG SECUKUPNYA UNTUK MEMBOLEHKAN MERKA MENGAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN PARTI APABILA TIBA MASANYA.

PEMUDA UMNO, TAMBAH BELIAU, PERLU MEMAHAMI DENGAN MENDALAM SELOKBELOK POLITIK SUPAYA MERKA AKAN MENJADI PENERAK YANG BERPENGALAMAN DAN BERPENGETAHUAN. — BERSAMBUNG 1326/LK

B528:
MAHATHIR 2 ALOR SETAR

TAMBAHNYA ORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN DALAM PERJUANGAN POLITIK HANYA AKAN MEMBAWA KEBURUKKAN PADA NEGARA.

+KITA BERKEHENDAKKAN ORANG YANG BERPENGETAHUAN KERANA PENGETAHUAN ITU PENTING DIDALAM SESUATU PERJUANGAN, + JELASNYA.

BELIAU MENYERU PERGERAKAN PEMUDA UMNO SUPAYA MELENGKAPKAN DIR% DENGAN PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN UNTUK MENJAMJIKAN KEKUATAN UMNO SEBAGAI TERAS POLITIK NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG SISTEM PEMERINTAHAN YANG ADA SEKARANG YANG PERLU DIPERTAHANKAN OLEH SETIAP ORANG RAKYAT YANG INGIN KEAMANAN DAN KESEJATERAAN.

KATANYA SISTEM DEMOKRASI YANG TELAH DIAMALKAN OLEH KERAJAAN SEJAK 24 TAHUN YANG LALU TELAH MENDAPAT SOKONGAN DAN KEPERCAYAAN RAKYAT BERBILANG BANGSA. — BERSAMBUNG 1328/LK

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

BELIAU MENINGGATKAN AHLI-AHLI POLITIK DAN ORANGRAMAI YANG TIDAK PUAS HATI TENTANG SISTEM YANG ADA SEKARANG SUPAYA CUBA MENGUBAHNYA MENERUSI SALURAN YANG TELAH DITETAPKAN IAITU PILIHANRAYA.

KATANYA ADA SUCALORONG KECIL DI LUAR UMNO YANG BERCAKAP TENTANG REVOLUSI SEBAGAI SATU CARA DATUK MENUKAR SISTEM DAN DASAR YANG ADA SEKARANG UNTUK MELAKUKAN MERKA SEBAGAI PEMIMPIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA REVOLUSI HANYA AKAN MENAKIBATKAN HURU-HARA DAN PERPECAHAN DI KALANGAN RAKYAT YANG SUDAH PASTI TIDAK AKAN DAPAT MENIKMATI KEHIDUPAN YANG TENTERAN DAN AMAN.

PEMIMPIN-PEMIMPIN REVOLUSI JUGA TIDAK KEKAL LAMA KERANA REVOLUSI AKAN DIKUTI DENGAN REVOLUSI YANG LAIN DAN TERUSNYA KETENTERAMAN TIDAK AKAN BOOD LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PEMUDA UMNO SUPAYA MEMAINKAN PERANAN MERKA UNTUK MEMPERTAHANKAN SISTEM YANG ADA SEKARANG KERANA MERKA YANG BAKAL MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DI MASA DEPAN.

... BERNAMA 1329